

AL-IMAAAM ASY-SYAFIE

PERANAN AQIDAH DAN FIQH IMAM ASY-SYAFIE R.H. SEBAGAI ASAS PERPADUAN

OLEH PEMBENTANG
USTAZ ENSKU AHMAD FADZIL BIN ENSKU ALI
FELO KANAN
INSTITUT KAJIAN STRATEGIK ISLAM MALAYSIA
(IKSIM)

TERHAD 500 PESERTA

YAYASAN PAHANG **Universiti Malaysia PAHANG** **IKSiM**

SEMINAR FIQH MAZHAB SHAFI'I: KAEDAH BERINTERAKSI DENGANNYA

7-8 NOVEMBER 2017
KOMPLEKS YAYASAN PAHANG, KUANTAN

"MENEROKA METODOLOGI DAN PEMIKIRAN IMAM AS-SHAFI'I"

7 NOVEMBER 2017	8 NOVEMBER 2017
SLOT 1 KEPERIBADIAN DAN KEBIJAKSANAAN IMAM AS-SHAFI'I PANEL: SHEKH MUHAMMAD MURUDDIN MARU AL-SANLIARI AL-MAKKI (ULAMA KUSANTARA)	SLOT 5 PEMBENTUKAN PENDAPAT MUKTAMAD DALAM MAZHAB SHAFI'I PANEL: USTAZ SYED SHAHRIZAN BIN SYED MOHAMED BEN AGIL (PENGASAS TRAMOH CENTRE)
SLOT 2 REVOLUSI & REFORMASI MAZHAB AS-SHAFI'I PANEL: DR. MOHD HARIZ MAHAMUDIN (PENYARAH KAWAR ACS, UTM)	SLOT 6 SUMBANGAN IMAM AS-SHAFI'I DALAM TAREQAT & TASAWUF PANEL: TUAN GURU DR HJ JAHID BIN HJ SOEK AL-KHALIDI (B.A., M.A. DAN PH.D. UNIVERSITI MALAYSIA)
SLOT 3 PERANAN AQIDAH DAN FIQH SEBAGAI ASAS PERPADUAN PANEL: USTAZ ENSKU AHMAD FADZIL BIN ENSKU ALI (FELO KANAN IKSIM)	SLOT 7 METODOLOGI PENDALILAN HUKUM DALAM MAZHAB AS-SHAFI'I PANEL: USTAZ KHARUL AZAM BIN ISMAIL (PENYARAH BUKHORI CENTER)
SLOT 4 WASIAH DAN PESANAN HIKMAH IMAM AS-SHAFI'I PANEL: USTAZ MAHDIR BIN HAJI JOLL AS-SAMARY (PENGASAS DAN PEMBIRING MAJLIS TALIM AN-NUR (MTAN))	SLOT 8 KESANTUNAN DALAM PERBEZAAN PENDAPAT PANEL: PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMMAD NAIM (DEKAN PUSAT PENGAJIAN PERNAGASIAN ISLAM LUMI & AHLI PIKAR MUAMALAT JAKIM)

YURAN PENYERTAAN: RM 50
Sila Daftar Online di Portal PIMPIN: pimpin.ump.edu.my

ANURAH:  PIMPIN

DENGAN KERJASAMA:    

  

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:
09 549 2642 : PEJABAT PIMPIN
013 268 7824 : KU AMINUDDIN
011 2545 9770 : A. RAHMAN

KANDUNGAN

1. PENGENALAN
2. MAKNA AQIDAH & FIQH
3. MAKNA AQIDAH & FIQH AL-IMAAM ASY-SYAFIE
4. BAGAIMANA DIKETAHUI AQIDAH & FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?
5. APAKAH CIRI-CIRI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?
6. ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN
7. KESIMPULAN



I - PENGENALAN

- Sebagaimana yang sedia maklum, minat yang sama boleh memupuk kemesraan dan perpaduan di kalangan orang-orang yang berkongsi "common interest" ini.
- Apatah lagi sekiranya berkongsi keyakinan ideologi yang sama dan amalan-amalan kehidupan yang menuju objektif yang sama, tentulah menjadi asas perpaduan yang baik.



I - PENGENALAN

- Maka aqidah (Ahlis Sunnah wal Jamaah -Asyaa'irah Maaturidiyyah) iaitu keyakinan yang sama dan fiqh (Syafie) iaitu amalan-amalan yang sama di kalangan ummat Islam di nusantara menjadi suatu asas perpaduan yang baik selama berabad-abad
- Namun kebelakangan ini perpaduan ini mula digoncangkan, malah cuba diruntuhkan.



I - PENGENALAN

- Lebih pelik, perpaduan ini digoncangkan atas nama yang sama iaitu atas nama Ahlis Sunnah wal Jamaah dan malah atas nama mazhab Syafie dalam aqidah dan fiqh!



2- MAKNA AQIDAH DAN FIQH

- Aqidah daripada perkataan **عقد** yang bermakna **ikatan** atau **simpulan**.
- Jadi aqidah merujuk kepada ikatan atau simpulan iman iaitu keyakinan yang kental yang tersimpul kemas tidak terungkai lagi.



2- MAKNA AQIDAH DAN FIQH

- FIQH daripada perkataan **فقه** yang bermakna **kefahaman**.
- Jadi fiqh merujuk perintah2 Allah SWT yang menyangkuti perbuatan-perbuatan orang-orang yang mukallaf.
- Kefahaman terhadap hukum hakam taklifi ini menjadi tujuan daripada mempelajari ilmu fiqh supaya menjadi landasan di dalam amalan.



3- MAKNA AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE

- Aqidah Al-Imaam Asy-Syafie r.h. adalah keyakinan dan simpulan keimanan di hati beliau rahimahullaah
 - Itulah aqidah yang Al-Imaam Asy-Syafie r.h. warisi daripada Rasulullah SAW dan disampaikan kepada beliau oleh generasi sebelum beliau melalui jalur sahabat- sahabat baginda radhiallaahu 'anhum di dalam apa yang menjadi sumber aqidah iaitu adillah naqliah (Al-Quran dan As-Sunnah) dan adillah aqliah (ketetapan akal yang sihat dan terbimbing)
 - Aqidah inilah yang dizahirkan oleh beliau rahimahullaah melalui tutur kata dan tulisan beliau.
-

3- MAKNA AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Fiqh Al-Imaam Asy-Syafie adalah pendirian² dan fatwa-fatwa beliau yang berkaitan dengan hukum hakam.
 - Ianya natijah keilmuan dan kefahaman beliau terhadap sumber² hukum syarak dan cara² serta kaedah² mengeluarkan (istinbaath) hukum hakam ini daripada sumber² hukum.
 - Fiqh beliau dipelajari, disampaikan, malah dikaji serta diperteguhkan oleh murid-murid beliau dan ulama² di dalam Mazhab Syafie.
 - Maka mazhab Syafie BUKAN hanya fatwa-fatwa beliau semata-mata, tetapi juga fatwa² para ulama selepas beliau yang mengikuti metodologi beliau.
-

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Oleh kerana tiada di dalam generasi kita sekarang orang berguru secara langsung dengan Al-Imaam Asy-Syafie r.h. maka cara mengetahui aqidah beliau adalah melalui guru kita yang mempunyai sanad yang bersambung sehingga kepada murid-murid Al-Imaam Asy-Syafie r.h.
 - Murid-murid Al-Imaam Asy-Syafie r.h. adalah orang yang paling mengetahui aqidah guru mereka.
 - Antara ulama-ulama Syaafiiyyah yang menaqalkan tentang manaaqib Al-Imaam Asy-Syafie r.h. adalah Al-Imaam Al-Baihaqi dan Al-Imaam Fakhruddin Ar-Razi
-

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Kita dapati Aqidah Al-Imaam Asy-Syafie r.h adalah aqidah salafus sooleh dan aqidah As-Sawaadul A'zhom
 - ialah aqidah yang mengithbaatkan kepada Allah SWT segala sifat kesempurnaan dan menafikan daripada Allah SWT segala sifat kekurangan dan menafikan daripada Allah SWT tasybiih dan mumaathalaah dengan makhluk
-

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Menariknya, murid2 kepada Al-Imaam Asy-Syafie r.h berakidah atas manhaj yang dikenali sebagai manhaj Asyaa'irah.
 - Malah demikian murid-murid kepada tiga orang lagi Imam Fiqh Ahlis Sunnah wal Jamaah.
 - Boleh dikatakan SEMUA ulama-ulama Malikiyyah dan Syafe'iyyah di atas manhaj Asyaa'irah.
 - 1/3 Hanafiyyah di atas Manhaj Asyaa'irah sementara 2/3 di atas manhaj Maaturidiyyah
 - Sebahagian Hanaabilah di atas manhaj Asyaa'irah dan sebahagian di atas manhaj Hasyawiyyah Musyabbihah
-

AHLUSSUNNAH WAL-JAMAAH ITU IDENTICAL DENGAN MADZHAB ASY'ARI-MAATURIDI

إذا أطلق أهل السنة والجماعة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية

Apabila Ahlussunnah Wal-Jama'ah disebutkan maka dikehendaki dengannya adalah Asyaa'irah dan Maaturidiah

* (الفصل الثاني) * إذا أطلق أهل السنة والجماعة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية

تصنيف خاتمة المحققين وعمدة ذوي الفضائل من المدققين

العلامة السيد محمد بن محمد الحسيني الزيندي الشهير بمرتضى

رحمه الله وأثابه من فيض فضله جزيل الرضا آمين .

اتحاف السادة المنقذين
بشرح إحياء علوم الدين

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Menariknya, ada yang membangkang kenyataan ini dengan alasan Imam2 pengasas mazhab fiqh yang empat BUKAN Asyaa'irah ayau Maaturidiyyah. Takkan mereka bukan Ahlis Sunnah wal Jamaah?!
 - Lebih lucu, ada yang bertanya kalau betul Asyaa'irah dan Maaturidiyyah adalah Ahlis Sunnah wal Jamaah kenapa Rasulullah S.A.W tidak Asy'ari dan para sahabat baginda bukan Asyaa'irah?!
 - Mustahil Rasulullah S.A.W dan para sahabat BUKAN Ahlis Sunnah wal Jamaah!
-

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Ini jelas merupakan cara berfikir yang songsang.
 - Mustahil seseorang yang datang dahulu dinisbahkan kepada orang-orang yang datang kemudian.
 - Mustahil Rasulullah S.A.W. yang diutuskan membawa Islam mengikut atau dinisbahkan kepada sesiapa pun selepas baginda.
 - SOALAN yang tepat untuk diajukan, adakah Asyaa'irah Maaturidiyyah mengikut kepada Rasulullah S.A.W?
 - Sekiranya ya, maka mereka Ahlis Sunnah wal Jamaah, demikian sekalian yang mengikut Sunnah Rasulullah S.A.W dan para sahabat adalah Ahlis Sunnah wal Jamaah walaupun tidak dinamakan Asyaa'irah atau Maaturidiyyah.
-

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Malah, pegangan aqidah Al-Imaam Asy-Syafie turut dicatatkan oleh ulama2 yang lain.
- Misalnya, ***Lum'ah al-I'tiqad*** karangan Imam Ibn Qudamah al-Hanbali, mukasurat 3, cetakan Wizaarah Syu'un Islamiyyah (Saudi Arabia), cetakan ke II

■ أَمِنْتُ بِاللَّهِ وَبِمَا جَاءَ عَنِ اللَّهِ عَلَىٰ مَرَادِ اللَّهِ وَأَمِنْتُ بِرَسُولِ اللَّهِ وَبِمَا جَاءَ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ عَلَىٰ مَرَادِ رَسُولِ اللَّهِ - لَمْعَةُ الْإِعْتِقَادِ

4- BAGAIMANA KITA KETAHUI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

■ سير أعلام النبلاء (20 / 341)

■ أخبرنا ابن مؤمن، أخبرنا الحسين بن أبي بكر، أخبرنا جعفر بن زيد، أخبرنا أحمد بن عبيدالله العكبري، أخبرنا أبو طالب الحربي، أخبرنا ابن مردك، أخبرنا عبدالرحمن بن أبي حاتم، حدثنا يونس، سمعت الشافعي يقول: نثبت هذه الصفات التي جاء بها القرآن ووردت بها السنة، وننفي التشبيه عنه كما نفي عن نفسه، فقال: (ليس كمثله شيء) [الشورى: ١١]

5- APAKAH CIRI-CIRI AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE?

- Berdasarkan Adillah Qathiyyah
 - Menithbaatkan yang layak kepada Allah SWT berdasarkan adillah qathiyyah naqliah dan aqliah
 - Menafikan yang tidak layak daripada Allah SWT
 - Tafwidh kepada Allah SWT di dalam ayat-ayat mutasyaabihaat dan kepada Rasulullah S.A.W di dalam hadith2 mutasyaabihaat
 - Mutasyaabihaat TIDAK boleh jadi dalil dalam aqidah
-

6- ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN

- Memberikan gambaran yang salah terhadap pendirian Al-Imaam Asy-Syafie di dalam ayat-ayat mutasyaabihaat.
 - Mereka samada menisbahkan yang palsu kepada Al-Imaam Asy-Syafie r.h seperti yang dilakukan di dalam kitab I'tiqaad Al-Aimmah Al-Arba'ah
 - Atau mereka memberikan kefahaman yang silap terhadap kalam para Aimmah
-

6- ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN

- Mereka memberikan gambaran bahawa tidak takwil di kalangan Aimmah bermakna ithbaatuz zhoohir
 - Sedangkan tidak takwil di sisi salafus sooleh bermakna tidak tafsir kerana takwil boleh bermakna tafsir
 - Kebanyakan salaf tafwidh kepada Allah SWT makna daripada ayat-ayat mutasyaabihaat, jadi mereka tidak tafsir
 - Tetapi sekiranya takwil dengan makna sorful lafzhi 'an ma'naz zhoohir, maka salaf melakukan takwil secara ijmaali dengan menafikan daripada Allah SWT makna zhoohir yang tidak layak
 - Kebanyakan khalaf pula melakukan takwil yang tafsiili
-

6- ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN

- Lebih parah, mereka yang mendakwa berpegang dengan akidah salaf berpegang dengan natijah yang melanggar ijmak salaf dengan menyalahgunakan konsep Tauhid Rubuubiyyah dan Tauhid Uluuhiyyah menjadi konsep takfiri
 - Ditambah dengan kefahaman yang keliru tentang ayat-ayat dan hadith2 mutasyaabihaat yang mereka topengkan atas nama Tauhid Al-Asmaa' was Sifaat
-

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Kedua-dua **Sistem Pengajian** Tauhid ini iaitu Sistem Pengajian Tauhid Sifat 20 dan Sistem Pengajian Tauhid 3 adalah perkara **bid'ah** (baru, tidak ada di zaman Nabi Muhammad S.A.W.)
- Namun, bid'ah di dalam kaedah penyusunan semata-mata tidak menjadikan ianya bercanggah dengan syarak.
- Persoalan : Adakah isi kandungannya selari atau bercanggah dengan syarak?

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Ada orang yang mendakwa bahawa perbezaan antara sistem pengajian Tauhid Sifat 20 dan sistem pengajian Tauhid 3 cuma perbezaan dari segi metod, tidak perlu diperbesar2kan, kononnya kedua-duanya adalah jalan yang berbeza dengan tujuan yang sama iaitu untuk mengenal Allah SWT.
- Dakwaan ini TIDAK benar, TIDAK jujur atau TIDAK faham.

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- WAHDAANIYYAT (وحدانية) terbagi menjadi TIGA:
 - Wahdaniyat al-Zaat
 - Wahdaniyyat al-Sifaat
 - Wahdaniyat al-Af'aal

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Wahdaniyat al-zat (وحدانية الذات) berfungsi menafikan **DUA** hal:
 - **PERTAMA**: Menafikan tersusunnya Zaat Allah dari benda (a'yan), sifat benda (a'radh), atau bahagian-bahagian lain. Dalam bahasa lebih mudah, Zaat Allah tidak mungkin terbagi-bagi.
 - **KEDUA**: Menafikan adanya zaat lain selain Allah yang memiliki sifat-sifat ketuhanan (kesempurnaan mutlak) seperti Zaat Allah

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Wahdaniyat al-Shifat (وحدانية الصفات) berfungsi menafikan dua hal:
 - **PERTAMA:** Menafikan adanya dua shifat yang sama bagi Allah, misalnya dua qudrat, dua iradat dan lain-lainnya. Dengan kata lain, shifat qudrat Allah itu hanya satu dan berkaitan dengan segala hal yang mungkin. Iradat Allah juga satu dan seterusnya.
 - **KEDUA:** Menafikan adanya seseorang dari manusia atau makhluk Allah yang memiliki shifat seperti shifat-shifat Allah, (dapat menciptakan, menentukan, memberi manfaat dan menyebabkan mudarat dan seterusnya).

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Wahdaniyat al-Af'al (وحدانية الأفعال) berfungsi menafikan adanya selain Allah berbuat seperti perbuatan Allah. Ta'thiir (التأثير) hanyalah daripada Allah SWT semata-mata.
- Hanya Allah-lah yang dapat mewujudkan dan meniadakan.
- Kita harus berkeyakinan bahwa semua perbuatan manusia, yang besar dan yang kecil, adalah ciptaan Allah.
- والله خلقكم وما تعملون (الصفات : 6)

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Ibn Taimiyah (Idola dan tokoh ikutan golongan Wahhabi) membagi Tauhid menjadi **tiga**:
 - 1. Tauhid Rububiyyah (توحيد الربوبية)
 - 2. Tauhid Uluhiyyah (توحيد الألوهية)
 - 3. Tauhid al-Asma' wa al-Shifat (توحيد الأسماء والصفات)

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Pertama, *Tauhid Rububiyyah*, yaitu pengakuan bahwa yang menciptakan, memiliki dan mengatur langit dan bumi serta seisinya adalah Allah saja.
- Menurut Ibn Taimiyah, *Tauhid Rububiyyah* ini, dakwa pendokongnya telah diyakini oleh semua orang termasuk orang-orang Musyrik selain daripada orang-orang Mukmin

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Kedua, *Tauhid Uluhiyyah*, yaitu pelaksanaan ibadah yang hanya ditujukan kepada Allah. Ibn Taimiyah berkata, "*Ilah* (Tuhan) yang *haqq* adalah yang berhak untuk disembah. Sedangkan Tauhid adalah beribadah kepada Allah semata tanpa mempersekutukan-Nya".
- Tawassul, tabarruk dan istighaathah dianggap menyembah kepada selain daripada Allah SWT.

TAUHID SIFAT 20 VS TAUHID 3

- Ketiga, *Tauhid al-Asma' wa al-Shifat*, yaitu nama-nama dan sifat-sifat Allah.
- Yang dilakukan di dalam Tauhid ini adalah menetapkan hakikat nama-nama dan sifat-sifat Allah yang terdapat dalam al-Qur'an dan Sunnah sesuai dengan arti literal (*zhahir*)nya yang telah dikenal di kalangan manusia.

6- ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN

- Pengancam kepada kefahaman ummat sekaligus peroboh perpaduan juga memahami kalam Al-Imaam Asy-Syafie luar dari konteks dan audiens yang sewajarnya.
 - Mereka juga memberikan erti yang berbeza kepada kalam Al-Imaam Asy-Syafie daripada apa yang beliau maksudkan seperti di dalam isu berzikir secara jahar, kononnya dilarang oleh Al-Imaam Asy-Syafie.
 - Mereka juga melupakan 'illah kepada sesuatu hukum sedangkan hukum akan berubah mengikut 'illah.
 - Mereka juga menggunakan istilah para ulama mazhab Syafie berbeza daripada makna yang dimaknakan dengan istilah tersebut di dalam mazhab Syafie, misalnya istilah "bid'ah" yang di dalam Mazhab Syafie pada asasnya merujuk kepada sesuatu yang baharu yang boleh menerima pelbagai hukum.
-

Bid'ah dari segi syara' adalah mengadakan sesuatu yang tidak ada pada masa Rasulullah S.A.W. dan ianya terbahagi kepada "hasanah" (elok) dan "qabiihah" (buruk)

(Al-Imam an-Nawawi, Tahdzib al-Asma' wa al-Lughat).

﴿ بدع ﴾ البدعة بكسر الباء في الشرع
هي احداث ما لم يكن في عهد رسول الله
صلى الله عليه وآله وسلم وهي منقسمة الى
حسنة وقبيحة. قال الشيخ الامام المجمع على

تَهَذِيبُ
الْأَسْمَاءِ وَاللُّغَاتِ

للإمام العلامة الفقيه الحافظ
أبي ذكريا محي الدين بن شرف النووي
(المتوفى سنة ٦٧٦ هجرية)

حليمة الأولياء

وطبقات الأصفياء

للحافظ أبي نعيم أحمد بن عبد الله الأصبهاني

المتوفى سنة ٤٣٠ هـ

* حدثنا أبو بكر الأجرى ثنا عبد الله بن محمد العنبري ثنا إبراهيم بن
الجنيد ثنا حرمة بن يحيى قال سمعت محمد بن إدريس الشافعي يقول : البدعة
بدعتان ، بدعة محمودة ، وبدعة مذمومة . فوافق السنة فهو محمود ، وما خالف
السنة فهو مذموم . واحتج بقول عمر بن الخطاب في قيام رمضان : نعمت
البدعة هي .

Al-v al-Syafi'i: Bid'ah dua jenis bid'ah, bid'ah mahmuudah dan bid'ah mazmuumah.

Yang selari dengan sunnah adalah (bid'ah) mahmuudah (terpuji)

Apa yang menyalahi sunnah, maka itu adalah (bid'ah) mazmuumah (terkeji)
(Abu Nu'aim Al-Isfahaani, Hilyah al-Auliya', 9/113)

MAKSUD KATA2 IMAM SYAFIE

■ قال الإمام النووي في المجموع شرح المذهب :

■ فَصَلَّ صَحَّ عَنْ الشَّافِعِيِّ - رَحِمَهُ اللهُ - أَنَّهُ قَالَ : إِذَا وَجَدْتُمْ فِي كِتَابِي خِلَافَ سُنَّةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاقُولُوا بِسُنَّةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَدَعُوا قَوْلِي ، وَرُوي عَنْهُ : إِذَا صَحَّ الْحَدِيثُ خِلَافَ قَوْلِي فَأَعْمَلُوا بِالْحَدِيثِ وَاتْرُكُوا قَوْلِي ، أَوْ قَالَ : فَهُوَ مَذْهَبِي ، وَرُوي هَذَا الْمَعْنَى بِأَلْفَاظٍ مُخْتَلِفَةٍ.

MAKSUD KATA2 IMAM SYAFIE

■ وَهَذَا الَّذِي قَالَهُ الشَّافِعِيُّ لَيْسَ مَعْنَاهُ أَنَّ كُلَّ وَاحِدٍ رَأَى حَدِيثًا صَحِيحًا قَالَ: هَذَا مَذْهَبُ الشَّافِعِيِّ وَعَمِلَ بِظَاهِرِهِ ، وَإِنَّمَا هَذَا فِيمَنْ لَهُ رُتْبَةٌ الاجْتِهَادِ فِي الْمَذْهَبِ عَلَى مَا تَقَدَّمَ مِنْ صِفَتِهِ أَوْ قَرِيبٍ مِنْهُ ، وَشَرْطُهُ: أَنْ يَغْلِبَ عَلَى ظَنِّهِ أَنَّ الشَّافِعِيَّ - رَحِمَهُ اللَّهُ - لَمْ يَقِفْ عَلَى هَذَا الْحَدِيثِ أَوْ لَمْ يَعْلَمْ صِحَّتَهُ ، وَهَذَا إِنَّمَا يَكُونُ بَعْدَ مُطَالَعَةِ كُتُبِ الشَّافِعِيِّ

■ كُلِّهَا وَنَحْوَهَا مِنْ كُتُبِ أَصْحَابِهِ الْأَخْذِينَ عَنْهُ وَمَا أَشْبَهَهَا .

■ وَهَذَا شَرْطٌ صَعْبٌ قَلَّ مَنْ يَتَّصِفُ بِهِ ، وَإِنَّمَا اشْتَرَطُوا مَا ذَكَرْنَا ؛ لِأَنَّ الشَّافِعِيَّ - رَحِمَهُ اللَّهُ - تَرَكَ الْعَمَلَ بِظَاهِرِ أَحَادِيثٍ كَثِيرَةٍ رَأَاهَا وَعَلِمَهَا ، لَكِنْ قَامَ الدَّلِيلُ عِنْدَهُ عَلَى طَعْنِ فِيهَا أَوْ نَسْخِهَا أَوْ تَخْصِيصِهَا أَوْ تَأْوِيلِهَا أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ . .

MAKSUD KATA2 IMAM SYAFIE

■ قَالَ الشَّيْخُ أَبُو عَمْرٍو - رَحِمَهُ اللهُ - : لَيْسَ الْعَمَلُ بِظَاهِرٍ مَا قَالَهُ الشَّافِعِيُّ بِالْهَيْنِ ، فَلَيْسَ كُلُّ فَقِيهٍ يَسُوعٌ لَهُ أَنْ يَسْتَقِلَّ بِالْعَمَلِ بِمَا يَرَاهُ حُجَّةً مِنَ الْحَدِيثِ ، وَفِي مَنْ سَلَكَ هَذَا الْمَسْلَكَ مِنَ الشَّافِعِيِّينَ مَنْ عَمِلَ بِحَدِيثِ تَرْكِهِ الشَّافِعِيُّ - رَحِمَهُ اللهُ - عَمْدًا ، مَعَ عِلْمِهِ بِصِحَّتِهِ لِمَانِعٍ اطَّلَعَ عَلَيْهِ وَخَفِيَ عَلَى [ص: 106] غَيْرِهِ ، كَأَبِي الْوَلِيدِ مُوسَى بْنِ أَبِي الْجَارُودِ مِمَّنْ صَحِبَ الشَّافِعِيَّ ، قَالَ : صَحَّ حَدِيثُ { أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ } ، فَأَقُولُ : قَالَ الشَّافِعِيُّ : أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ ، فَرَدًّا ذَلِكَ عَلَى أَبِي الْوَلِيدِ ؛ لِأَنَّ الشَّافِعِيَّ تَرَكَهُ مَعَ عِلْمِهِ بِصِحَّتِهِ ، لِكُونِهِ مَنْسُوحًا عِنْدَهُ ، وَبَيْنَ الشَّافِعِيِّ نَسْخَهُ وَاسْتَدْلَ عَلَيْهِ . .

6- ANCAMAN2 YANG MEROSAKKAN IMEJ AQIDAH DAN FIQH AL-IMAM ASY-SYAFIE SEKALIGUS MENGANCAM PERPADUAN

- Mereka juga mengungkit hukum2 yang sememangnya menjadi khilaf di kalangan para fuqaha untuk menyemai bibit2 keraguan terhadap amalan-amalan mazhab Syafie, lalu diperbesar-besarkan seolah-olah orang-orang yang mengikuti fatwa-fatwa Al-Imaam Asy-Syafie selama ini telah tersesat seperti di dalam hukum berqunut Subuh dan hukum wudhu bagi lelaki dan wanita yang bersentuhan kulit dan seolah-olah Al-Imaam Asy-Syafie seorang yang tidak tahu atau tidak memahami dalil!
 - Adakalanya mereka mengungkit qawl yang tidak muktamad di dalam mazhab demi menimbulkan keraguan dan kecelaruan sedangkan ulama-ulama mazhab yang berkelayakan telah melakukan kajian dan pentarjihan.
-

7- KESIMPULAN

- Ummat perlu dibekalkan dengan ilmu-ilmu asas dan aqidah supaya tidak mudah goyang dengan pelbagai dakwaan dan ayat-ayat "yang sebenarnya" tetapi ternyata penyelewengan²
 - Para ilmuan agama perlu mengelakkan diri daripada terjerumus di dalam penyakit² hati seperti cinta dunia dan cinta kemegahan yang akhirnya mendorong untuk menimbulkan pendirian² yang berbeza semata-mata untuk menjadi popular dan disanjung sebagai mujaddid, berfikiran terbuka (luar kotak) dan tidak jumud sesuai dengan prinsip خالف تعرف
 - Pihak pemerintah perlu bertegas mengawal penyelewengan² agama demi memelihara kesucian agama dan perpaduan ummat.
-



**SEKIAN,
TERIMAKASIH DAN
MAAF**
